

PENGAJARAN KOLABORATIF SUBJEK CTU101 : KAJIAN KESEDARAN TERHADAP ISU LGBT DALAM KALANGAN PELAJAR UITM

Farah Safura Bt Muhammad

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Kampus Dungun,
23000, Dungun, Terengganu, Malaysia

Atiratun Nabilah Jamil

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar,
32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

Mastura Razali

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang,
Kampus Permatang Pauh,
13500, Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia.

Corresponding Author's Email: farahsafura@uitm.edu.my

Article history:

Received : 4 April 2023

Accepted : 10 April 2023

Published : 10 Mei 2023

ABSTRAK

Aktiviti *Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender* (LGBT) semakin menjadi ikutan dan merisaukan. Tuntutan legitimasi golongan ini semakin mendapat perhatian dalam kalangan badan bukan kerajaan (NGO) yang menyokong pemikiran golongan tersebut. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Majlis AIDS Malaysia dan Yayasan AIDS Malaysia (2020) telah menyatakan bahawa peningkatan kadar jangkitan HIV di negara ini secara umumnya disumbangkan oleh beberapa golongan termasuk golongan LGBT. Oleh itu, kajian ini berobjektifkan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan kesedaran terhadap isu LGBT dalam kalangan pelajar UiTM. Kajian ini penting kerana subjek CTU101 menekankan topik Maqasid Syariah dan isu kemenjadian akhlak masyarakat pada hari ini. Kajian ini dijalankan kepada 200 pelajar semester pertama UiTM dengan dijalankan *survey* atas talian. SPSS 20 digunakan sebagai alat untuk menganalisis dapatan. Hasil kajian ini mendapati tahap pengetahuan asas dan kesedaran mengekang isu LGBT masih berada dalam skala sederhana. Ini merupakan petanda kurang baik untuk masa depan sosial belia Muslim Malaysia secara umumnya. Justeru kesedaran dan pemahaman tentang signifikan pengharaman LGBT perlu terus dilaksanakan dari akar umbi kerana

seiring dengan keperluan salah satu elemen Maqasid Syariah iaitu menjaga keturunan masyarakat.

Kata kunci: CTU101, Lesbian, Gay, Biseksual, Transeksual, Maqasid Syariah

COLLABORATIVE TEACHING SUBJECT CTU101 : AWARENESS STUDY ON LGBT ISSUES AMONG UiTM STUDENTS

ABSTRACT

Lesbian, Gay, Bisexual, and Transgender (LGBT) activities are becoming more frequent and troubling. The claim of legitimacy of this group is gaining more attention among non-governmental organisations (NGOs) that support the group's thinking. Based on the report released by the Malaysian AIDS Council and the Malaysian AIDS Foundation (2020), the increase in HIV infection rates in the country is generally attributed to some groups, including LGBT people. Therefore, this study aims to identify the level of knowledge and awareness of LGBT issues among UiTM students. This study is important because the subject of CTU101 emphasises the topic of Maqasid Shariah and the issue of the moral development of society today. The study was conducted on 200 first-semester students at UiTM with an online survey. SPSS 20 is used as a tool to analyse results. The findings found that the level of basic knowledge and awareness of curbing LGBT issues is still on a moderate scale. This is a poor sign for the social future of Malaysian Muslim youth in general. Hence, awareness and understanding of the significance of the LGBT ban should continue to be implemented from the grassroots, as it is in line with the needs of one of the elements of Maqasid Shariah, which is to care for the offspring of the masyarakat.

Keywords: *CTU101, lesbian, gay, bisexual, transsexual, maqasid shariah*

PENGENALAN

Subjek CTU101 (Prinsip-prinsip Asas Islam) merupakan subjek wajib universiti di UiTM bagi para pelajar semester pertama. Kursus ini menjelaskan kepada pelajar mengenai tasawwur Islam dan menghubungkan akidah dengan amalan seharian. Kursus ini juga membincangkan aplikasi syariah, ibadah dan akhlak dalam kehidupan serta mengenalpasti isu dan cabaran semasa. Isu-isu terkini yang perlu diberi penekanan ialah berkaitan dengan akhlak dan nilai kehidupan remaja dan belia hari ini.

Antara isu tersebut ialah cabaran pembangunan personaliti dan peribadi iaitu cabaran LGBT. LGBT merupakan kombinasi dari beberapa situasi kecelaruan personaliti iaitu lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual. Kelompok situasi ini mula di kesan di Malaysia pada awal 1970-an dengan aktiviti mak

Nyah dan Pondan (Nor Hafizah & Nor Saleha, 2016). Bermula dari aktiviti itu telah membawa kepada pelbagai isu dan masalah berkaitan dengan moral dan kehidupan masyarakat dalam negara ini. Penubuhan beberapa organisasi, pertubuhan dan persatuan termasuk beberapa NGO menjadikan kegiatan golongan LGBT di Malaysia semakin berani untuk menyuarakan pendapat dan menuntut pelbagai hak dan kebebasan termasuk yang bertentangan dengan undang-undang negara. Golongan ini dilihat bergerak melalui sokongan dan dokongan pelbagai pihak dengan menjadikan isu hak kebebasan asasi sebagai tunjang perjuangan mereka. Situasi membimbangkan sekiranya aktiviti ini menular dalam kalangan pelajar universiti. Atas keprihatinan tersebut, satu kolaboratif pengajaran telah diadakan oleh para pensyarah CTU101 (Terengganu, Perak dan Pulau Pinang) dengan memberi fokus kepada isu LGBT kepada para pelajar. Sebanyak 200 pelajar telah menjawab soalan survey bagi mengkaji tahap pengetahuan dan kesedaran LGBT. Kajian ini sangat signifikan kepada kelestarian kesejahteraan akhlak pelajar dan bertepatan dengan konsep Islam rahmatan lil'alamini yang diharapkan oleh Perdana Menteri Malaysia.

PENYATAAN MASALAH

Jumlah komuniti yang mengamalkan gaya hidup LGBT direkodkan semakin meningkat di Malaysia sebanyak hampir 100 peratus (JAKIM, 2018). Rekod menunjukkan sebanyak 173,000 pada tahun 2013 dan sebanyak 310,000 jumlah dicatatkan pada tahun 2018. Jumlah ini sangat membimbangkan apatah lagi banyak gerakan dalam kalangan badan bukan kerajaan (NGO) menuntut supaya LGBT tidak didiskriminasikan di Malaysia. Selain itu, peningkatan kes gejala sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia samada melibatkan golongan asatizah, pensyarah ataupun orang biasa. Harian Metro (2018) melaporkan bahawa seorang tenaga pengajar telah dituduh melakukan seks luar tabi'i bersama mangsa iaitu pelajar di pusat pengajian tersebut sebanyak dua kali. Begitu juga dengan laporan oleh Utusan Malaysia (2022) melaporkan bahawa seorang bekas ustaz telah melakukan amang seksual ke atas enam pelajar lelaki pusat pengajian berkenaan sejak 2021 manakala Sinar Harian (2022) melaporkan bahawa seramai 20 lelaki Islam berperwatakan wanita telah ditangkap pada sambutan Halloween yang diadakan di ibu negara oleh pihak berkuasa dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

KAJIAN LITERATUR

Definisi Dan Sejarah LGBT

Perbuatan LGBT telah berlaku dari zaman Nabi Luth a.s dan Allah telah memberi azab kepada kaum Sodom tersebut atas perbuatan laknat yang dilakukan. Allah SWT menyebutkan kisah mereka dalam beberapa tempat dalam al-Qur'an seperti:

وَلَوْ طَآ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ ۖ اَتَاتُوْنَ الْفَآحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ آَحَدٍ مِّنَ
الْعَلَمِيْنَ ﴿80﴾ اِنكُمْ لَتَاتُوْنَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّنْ دُوْنِ النِّسَاءِ ۗ بَلْ اَنْتُمْ
قَوْمٌ مُّسْرِفُوْنَ ﴿81﴾ وَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ ۖ اِلَّا اَنْ قَالُوْا اَخْرِجُوْهُمْ مِّنْ
قَرْيَتِكُمْ ؕ اِنَّهُمْ اَنَاسٌ يَّتَطَهَّرُوْنَ ﴿82﴾

“Dan (Kami juga telah mengutus) Luth (kepada kaumnya). (Ingatlah) tatkala dia berkata kepada mereka: “Mengapa kamu mengerjakan perbuatan fahisyah itu, yang belum pernah dilakukan oleh sesiapa pun (di dunia ini) sebelummu? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk melampiaskan nafsumu (kepada mereka), bukan kepada wanita, malah kamu ini adalah kaum yang melampaui batas. Jawab kaumnya tidak lain hanya mengatakan: “Usirlah mereka (Luth dan para pengikutnya) dari kotamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berpura-pura mensucikan diri.” (Surah al A’raf, 7: 80-82)

Berdasarkan ayat Al quran di atas, jelas menunjukkan aktiviti songsang Gay telah bermula sejak zaman Nabi Luth yang melibatkan kaum Sadum atau shodom iaitu satu kelompok masyarakat di Jordan. Ibn Kathir dalam kitabnya *al-Bidayah wa al-Nihayah* (1/203) menyebut: “Mereka melakukan dosa yang belum pernah dilakukan oleh seorang pun dari bani Adam, iaitu seorang lelaki menggauli lelaki dan enggan berkahwin dengan wanita yang Allah jadikan untuk orang-orang soleh.” Allah SWT menjadikan kisah binasanya kaum Luth akibat perbuatan keji mereka sebagai pengajaran bagi seluruh manusia.

Sebab Pengharaman LGBT

Perlakuan songsang dan berlawanan dengan fitrah manusia merupakan perbuatan yang keji dalam Islam. Lesbian, Gay, Bisexual, dan Transgender (LGBT) bukan satu isu baru bahkan perbuatan seumpama kaum Nabi Luth dan liwat telah diharamkan secara ijmak. Berdasarkan beberapa dalil di bawah menyatakan pengharaman perbuatan LGBT, Seperti sabda Nabi SAW:

Maksudnya: “...Allah melaknat sesiapa yang mendatangi binatang, Allah melaknat sesiapa yang melakukan perbuatan kaum Nabi Lut, melakukan perbuatan kaum Nabi Lut” (Nabi SAW menyebutkan tiga kali).

Maksudnya: “Jika kamu dapati seseorang melakukan amalan kaum Lut, bunuhlah pelaku dan orang yang dilakukan perlakuan itu.”

Maksudnya: "*Nabi s.a.w mengutuk (melaknat) lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki.*"

Jelas daripada hadis-hadis di atas bahawa perbuatan seksual yang menyalahi adat kemanusiaan merupakan amalan yang melanggar hukum syarak dalam Islam (Azman Ab. Rahman, Zakaria, Yeap, & Nur Fatimah Amlin Ab. Ghani, 2020). Bahkan ancaman dan azab terhadap golongan yang berpelakuan tersebut juga amat besar.

Menurut Mohamad Afandi Md Ismail et al., (2020), sebab pengharaman perbuatan homoseksual bukan sekadar masalah akhlak dan moral semata-mata tapi berkait dengan syariat Islam lain seperti aurat, hukum perkahwinan, nasab atau keturunan, pembahagian harta pusaka (faraid). (Mohamad Afandi Md Ismail et al., 2020). Bagi sesetengah pasangan homoseksual, mereka berusaha membentuk keluarga bahagia dengan mendapatkan anak melalui cara pernianian beradas yang jelas bertentangan dengan syariah Islam kerana dikhuatiri tidak dapat menentukan kesahihan nasab keturunan pada kemudian hari (Batri, Yusof, Muhamad, Ahmad Muhyuddin Hassan, & Haron, 2016). Bahkan menurut Trayce Hansen (2010) jika anak tersebut dibesarkan di dalam persekitaran keluarga homoseksual ia akan terpengaruh dengan gaya hidup songsang ada di dalam keluarga itu sendiri. Ini disokong oleh kajian Paul (1986) melalui temubual dengan anak-anak remaja homoseksual yang berusia antara 18-28 tahun di dapati sebanyak 15% dari 34 responden mengaku mereka juga homoseksual, gay atau bisexual seperti keluarga mereka. (Batri et al., 2016)

Selain itu, bagi memenuhi keinginan syahwat mengikut hawa nafsu, golongan LGBT juga sering dikaitkan dengan isu pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan secara jelas adalah haram dari segi syariat Islam kerana telah berlakunya penentangan terhadap ciptaan Allah dengan merubah ciptaan asal Allah SWT (Yusoff & Osman, 2022). Jantina, hidup, mati seseorang manusia adalah suatu ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sejak azali lagi. Perbuatan ini secara tidak langsung memusnahkan sistem seksual serta dilaknat dalam Islam seperti dalam hadis Nabi SAW: *Maksudnya: "Rasulullah s.a.w melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan perempuan yang menyerupai lelaki.* Perbuatan tersebut boleh menghancurkan ketamadunan fitrah seseorang manusia serta mendorong kepada berlakunya pelbagai pelanggaran syariat yang mengundang kepada dosa besar.

Sayyid Sabiq telah menukilkan pendapat Dr. Muhammad Wasfi dalam kitabnya al-Islam wa al-Tibb bahawa Tindakan homoseksual mempunyai kesan buruk yang besar terhadap kehidupan peribadi dan masyarakat, apabila seorang gay berkahwin namun isterinya tidak mendapat kepuasan seksual biologi kerana minat seksual suami yang cenderung kepada lelaki yang menyebabkan hubungan suami isteri menjadi renggang tidak tumbuh cinta dan kasih sayang hingga berlakunya perceraian. Selain itu, homoseksual boleh mengakibatkan kerosakan pada saraf otak, melemahkan akal dan menghilangkan semangat kerja serta mudah terjangkit berbagai penyakit berbahaya. (Lihat Fiqh al-Sunnah, 2/428-429).

Penyakit yang Timbul Akibat Perlakuan LGBT

Memelihara keturunan merupakan salah satu daripada lima Maqasid Syariah yang wajib di pelihara oleh setiap umat Islam. Akad perkahwinan antara lelaki dan wanita adalah solusi bagi memenuhi fitrah berpasangan dalam kehidupan manusia yang dibenarkan oleh syarak seperti firman Allah SWT dalam surah Ar-Rum ayat 21, maksudnya: *“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”*

Oleh itu, syarak telah mengharamkan perlakuan LGBT kerana bertentangan dengan fitrah manusia itu sendiri, bahkan perlakuan tersebut juga membawa kepada peningkatan masalah kesihatan dalam negara dengan berlakunya penyebaran pelbagai penyakit berjangkit. Penyakit cacar monyet salah satu yang banyak berlaku bagi pasangan homoseksual. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), golongan homoseksual menjadi kumpulan paling terjejas akibat virus cacar monyet (WHO, 2022). Satu kajian yang diterbitkan dalam *New England Journal of Medicine* mendapati lelaki gay atau biseksual adalah golongan tertinggi dijangkiti iaitu sebanyak 98% dan 95% kes daripadanya berlaku berpunca dari aktiviti seksual (Gessain, Nakoune, & Yazdanpanah, 2022).

Seterusnya, penyakit sifilis juga adalah penyakit yang lebih berisiko dijangkiti oleh golongan LGBT akibat dari perbuatan songsang mereka. Antara negara yang menghadapi penyakit sifilis tertinggi iaitu sebanyak 83% adalah Amerika Syarikat yang merupakan negara yang membudayakan norma hidup berpasangan sama jantina secara bebas. Pada tahun 2018 pula, jumlah penderita sifilis dalam kalangan golongan ini di dunia meningkat kepada 14.4%. Menurut kajian yang dijalankan oleh Pusat Pengendalian Dan Pencegahan Penyakit (CDC), LGBT adalah golongan yang paling banyak terkena penyakit jangkitan kelamin (STD) (Ahmad Farid, 2022).

Penyakit HIV/AIDS juga merupakan salah satu penyakit yang membimbangkan dalam negara Malaysia. Berdasarkan laporan daripada Majlis Aids Malaysia (2023), pada tahun 2020 sebanyak 3146 kes baru telah dilaporkan yang menjadikan jumlah kes keseluruhan dari tahun 1986-2020 meningkat sebanyak 125,878 kes HIV. Antara faktor terbesar dalam penyebaran penyakit HIV iaitu 94% adalah berpunca daripada sentuhan seksual (*sexual transmission*) berbanding mereka yang mengambil dadah melalui perkongsian jarum suntikan yang sebelum ini dikatakan sebagai punca utama kepada penularan virus tersebut (Akhir, Abdullah, & Mohammad Rahim Kamaluddin, 2019) malah populasi yang menyumbang pada jangkitan penyakit berjangkit ini majoritinya dari golongan heteroseksual sebanyak 42% dan 36% jangkitan daripada golongan homoseksual dan biseksual (Mohamad Afandi Md Ismail et al., 2020) Penyakit AIDS yang pertama kali dijumpai oleh para doktor dalam kalangan lima orang

homoseksual di Los Angeles yang mengamalkan seks songsang (Artikel: "AIDS - Disease that changed our world", 1981) (Batri et al., 2016)

Situasi LGBT di Malaysia

Di Malaysia, golongan LGBT kebiasaannya mengaburi mata masyarakat dengan mengalihkan isu perlakuan songsang mereka kepada isu hak asasi manusia bagi mempengaruhi polisi awam dan penerimaan masyarakat. Banyak badan-badan khususnya NGO didakwa terlibat sebagai tulang belakang golongan ini (JAKIM, 2013). Perkara ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mahfuzah (2015) yang menyebut bahawa kemunculan golongan ini telah bermula sejak tahun 1980-an dengan populasi yang kecil akan tetapi semakin bertambah sehingga tertubuhnya pelbagai pertubuhan serta organisasi yang menyokong mereka secara tersusun dan terancang hingga mereka semakin lantang bersuara. Oleh kerana Malaysia merupakan negara yang berpegang kepada agama Islam sebagai agama rasmi, maka fenomena ini mencetuskan kontroversi kerana amat menyimpang daripada ajaran Islam itu sendiri (Suhaya, 2017).

Selain itu, terdapat juga pelbagai aplikasi media sosial yang digunakan sebagai medium perhubungan antara golongan LGBT ini di Malaysia misalnya laman "*Lesbian Dating Malaysia*" yang menerima kunjungan pengguna sebanyak 40, 861 orang, diikuti oleh laman Facebook sebanyak 38, 454 orang. Statistik ini jelas menunjukkan bahawa kedudukan LGBT ini semakin hari semakin mendapat tempat dalam masyarakat Malaysia (Nurul Jannah Juani, 2017) dan susulan daripada berkembangnya organisasi dan pertubuhan-pertubuhan pro LGBT ini, maka terhasil beberapa isu yang mengancam nilai agama, akhlak, prinsip dan perundangan syariah di Malaysia (Norehan, 2012).

Hal ini membuktikan bahawa pihak pro LGBT semakin tidak mempedulikan Islam sebagai agama rasmi negara ini. Statistik penangkapan salah laku jenayah syariah yang berkaitan dengan LGBT oleh penguatkuasa agama negeri seluruh Malaysia saban tahun semakin meningkat (Mahfuzah 2015). Kajian yang dilakukan oleh Mohamad Afandi (2019) juga menyifatkan bahawa berlaku pertembungan antara undang-undang domestik yang diamalkan di Malaysia dengan keputusan undang-undang antarabangsa yang telah diratifikasi di Malaysia sejak sekian lama selain campur tangan Mahkamah Sivil di Malaysia menjadikan golongan LGBT ini dapat memanipulasikan undang-undang yang sedia ada bagi membenarkan perlakuan mereka sehingga menafikan peruntukan mahkamah syariah terhadap masyarakat muslim di Malaysia. Mohd Farok (2017) dalam kajian beliau menyifatkan bahawa peruntukan syariah di bawah undang-undang Jenayah Syariah amnya tidak dispesifikasikan secara jelas dan boleh menyebabkan timbulnya ruang-ruang bagi golongan pro LGBT mencabar peruntukan-peruntukan tersebut dengan benteng hak asasi manusia sebagaimana yang dilaungkan oleh mereka selama ini. Perkara ini disokong oleh kajian Siti Zubaidah (2018) yang menyifatkan definisi yang tidak jelas ini boleh mengganggu usaha penguatkuasaan dan memasuki sempadan privasi seseorang individu.

Isu PreP di Klinik Kerajaan

Kerajaan telah mengambil inisiatif pemberian *prep* di Klinik kesihatan bermula 1 Jan 2023. Golongan yang disasarkan adalah termasuk semua golongan yang berisiko tinggi termasuklah golongan LGBT, golongan yang melakukan seks tanpa kondom, seks lebih dari seorang pasangan yang tidak ketahui status HIV, golongan yang melakukan seks satu faktor risiko HIV (mungkin mengambil dadah dan menggunakan dadah untuk keseronokan seks) (KKM, 2022) Semua golongan yang disebutkan ini akan mendapatkan Prep secara percuma sehingga 1 Mei 2024 dengan Kos rawatan dianggarkan sekitar RM50 - RM300 untuk penggunaan sebulan. Kerajaan telah mensasarkan 5000 orang sepanjang tempoh tersebut.

Peruntukan Undang-Undang Berkenaan Perlakuan Homoseksual

Perlakuan homoseksual adalah jenayah dalam sistem undang-undang di Malaysia, sama ada dalam bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Persekutuan (Sivil) ataupun Mahkamah Syariah. Pada peringkat Kerajaan Pusat, perlakuan homoseksual seperti aktiviti sodomi adalah jenayah yang diperuntukkan di bawah Seksyen 377A, 377B dan 377C Kanun Keseksaan. Seksyen 377A menyatakan dengan jelas bahawa mana-mana individu yang melakukan hubungan seksual bersama individu lain dengan memasukkan zakarnya ke lubang dubur, atau ke dalam mulutnya, dikatakan sebagai melakukan hubungan seks luar tabii. Manakala, Seksyen 377B memperuntukkan hukuman bagi individu yang didapati bersalah di bawah Seksyen 377A dengan penjara sehingga 20 tahun dan boleh dihukum dengan sebatan. Seksyen 377C pula memperuntukkan hukuman yang lebih berat bagi mereka yang melakukan sodomi tanpa persetujuan mangsa iaitu penjara tidak kurang daripada 5 tahun dan tidak melebihi 20 tahun, serta boleh dihukum dengan sebatan.

Sebahagian pihak mendakwa bahawa undang-undang ini merupakan undang-undang peninggalan penjajah British di mana United Kingdom sendiri telah menyahjenyahkan aktiviti sodomi bermula dengan England pada tahun 1967. Bahkan menurut mereka, undang-undang jenayah bagi mengekang aktiviti sodomi adalah undang-undang Kristian. Bagi menjawab tuduhan ini, perlu kita fahami bahawa selaku negara yang berdaulat, Malaysia tidak terikat dengan pindaan undang-undang yang dibuat oleh bekas penjajahnya. Kedua, Seksyen 377 berkenaan telah mengalami pindaan beberapa kali di mana yang terakhir adalah pada tahun 2017. Ini menunjukkan Kerajaan sentiasa cakna akan peruntukan dalam Akta tersebut, termasuklah peruntukan kesalahan perlakuan sodomi dan memilih untuk mengekalkan perbuatan tersebut sebagai jenayah yang wajib dibanteras.

Adapun daripada sudut undang-undang Islam, semua negeri-negeri di Malaysia memperuntukkan di dalam akta dan enakmen masing-masing hukuman bagi kesalahan liwat, lelaki berlagak seperti perempuan, perempuan berlagak seperti lelaki, musahaqah (lesbian), perhubungan jenis luar tabii, pondan dan hubungan jenis antara orang yang sama jantina. Contohnya, Seksyen 25 Akta

Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (“AKJSWWP”) memperuntukkan hukuman bagi kesalahan liwat, Seksyen 26 bagi kesalahan musahaqah, Seksyen 28 bagi kesalahan orang lelaki berlagak seperti perempuan dan Seksyen 29 bagi kesalahan perbuatan tidak sopan di tempat awam. AKJSWWP juga memperuntukkan hukuman bagi kesalahan mempromosi maksiat (Seksyen 35), penyubahatan (Seksyen 43) dan pendapat yang bertentangan dengan fatwa (Seksyen 12). Ini menunjukkan betapa seriusnya hasrat Kerajaan untuk membendung gejala sosial, khususnya perkembangan ideologi seksualiti songsang yang dibawa oleh gerakan LGBT.

METOD KAJIAN

Kajian kesedaran berkaitan LGBT telah dijalankan secara survey atas talian kepada 200 pelajar UiTM cawangan Pulau Pinang, Terengganu dan Perak. Para pelajar ini adalah yang terlibat dalam *Collaborative teaching* bagi subjek CTU101. Hasil maklum balas dari para pelajar untuk memenuhi objektif kajian iaitu mengenalpasti sejauhmana tahap kesedaran para pelajar tentang LGBT dan keprihatinan para pelajar untuk membantu mengurangkan penularan LGBT dalam kalangan mahasiswa UiTM.

Hasil maklum balas responden dipaparkan sebagai skor min. Maklum balas responden dengan menggunakan skala 1 hingga 5. Skala 1 menunjukkan item sangat tidak bersetuju, 2 tidak setuju, 3 neutral, 4 setuju dan 5 sangat setuju. Kemudian skala tersebut diinterpretasikan kepada tahap tinggi, sederhana dan rendah seperti jadual di bawah. (Izham, Mohd & Juraime, Faridah & Mansor, Azlin (2016).

Jadual 1: Skor Min

Skor Min	Interpretasi skor min
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

DAPATAN KAJIAN

Tahap Pengetahuan Tentang Konsep LGBT

Berdasarkan dapatan data, telah menunjukkan tahap pengetahuan secara keseluruhan berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun pengetahuan asas tentang definisi lesbian dan Gay berada pada tahap positif. Namun pengetahuan terhadap Biseksual dan transgender berada tahap sederhana dan rendah. Ini menunjukkan bahawa para pelajar masih belum mempunyai

pengetahuan asas yang kukuh tentang LGBT. Situasi ini sangat berisiko kepada para pelajar dan menjadi cabaran besar kepada barisan pensyarah CTU101 di masa akan datang.

Jadual 2: Pengetahuan tentang Konsep LGBT

Data Deskriptif					
Item	N	Min	Standard Deviation (SD)	Interpretasi	
Lesbian ialah wanita yang suka sesama wanita	60	4.95	0.23	Tinggi	
Gay bermaksud hubungan songsang antara lelaki dan perempuan	60	1.57	1.23	Rendah	
Biseksual adalah mengubah fizikal menjadi jantina bertentangan dengan asal	60	1.96	1.52	Rendah	
Transeksual dan transgender adalah sama	60	3.34	1.56	Sederhana	
Average		2.95	1.32	Sederhana	

Tahap Pengetahuan Dan Kesedaran Tentang LGBT

Hasil dapatan dari item yang ditanyakan kepada responden menunjukkan bahawa responden tahu dan sedar mengenai pengharaman LGBT dan kedudukannya dalam Islam. Para pelajar menyedari bahawa LGBT adalah tidak bersesuaian dengan hak asasi manusia. Bekas Menteri Agama iaitu Ustaz Idris Ahmad pernah menjelaskan bahawa sebarang isu hak asasi perlu diuruskan mengikut perspektif Islam dan acuan Malaysia (Utusan Malaysia, 2021) Kenyataan tersebut disuarakan ketika pertemuan bersama delegasi Gabungan Pertubuhan Masyarakat Sivil Malaysia bagi Proses Semakan Berkala Sejagat (MACSA) yang hadir bagi perbincangan isu diskriminasi golongan LGBT. Pertubuhan itu juga meminta supaya isu golongan LGBT dimurnikan di bawah Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama yang dikenali sebagai HARMONI. Data menunjukkan pelajar faham dan sedar bahawa LGBT adalah haram di sisi Islam. Ini menunjukkan perbincangan untuk meraikan golongan LGBT telah giat

dijalankan, oleh itu pengetahuan dan kesedaran yang lebih mendalam harus terus digiatkan dalam kalangan mahasiswa supaya bersedia menempuh cabaran sosial yang mendatang.

Jadual 3: Pengetahuan dan Kesedaran Tentang LGBT

Data Deskriptif				
Item	N	Min	Standard Deviation (SD)	Interpretasi
Saya sedar tentang hak asasi manus manusia dalam Islam	60	4.61	0.58	Tinggi
LGBT sesuai dengan hak asasi manusia	60	1.23	0.54	Rendah
Saya ambil tahu tentang isu-isu berkaitan LGBT	60	4.03	0.7	Tinggi
Saya tahu bahawa LGBT adalah haram di sisi Islam	60	4.94	0.26	Tinggi
Saya tahu akibat dari perbuatan LGBT	60	4.87	0.38	Tinggi
Average		3.94	0.39	High

Selain itu, Skor min 4.78 pada item 1 (jadual 4) menunjukkan pelajar sedar akan kesan penyakit sekiranya bergelumang dengan LGBT. Selain itu, pelajar juga menyedari tentang kepentingan membimbing dan menasihati kenalan yang terlibat dengan LGBT. Walaubagaimanapun dapatan di Jadual 4: *Kesedaran Tentang LGBT* - secara keseluruhannya berada di tahap sederhana. Selain itu dapatan data di jadual 2: *Pengetahuan tentang Konsep LGBT* juga menunjukkan interpretasi sederhana. Kedua dua jadual tersebut (jadual 2 dan 4) adalah selari dan ini merupakan petanda kurang baik untuk masa depan sosial belia negara kita. Item-item soalan hanya melibatkan soalan soalan asas pengetahuan, namun skor min yang dicatatkan adalah rendah (Jadual 4) dan sederhana (Jadual 2).

Jadual 4: Kesedaran untuk Mengekang LGBT

Data Deskriptif				
Item	N	Min	Standard Deviation (SD)	Interpretasi
Saya sedar penyakit yang terhasil dari amalan LGBT	60	4.78	0.47	Tinggi
Saya tidak kisah jika ahli keluarga terlibat dalam LGBT	60	1.15	0.62	Rendah
Saya tidak kisah jika berkawan dengan individu yang mengamalkan LGBT	60	1.72	1.07	Rendah
Saya akan menasihati kenalan yang terlibat dengan LGBT	60	4.44	0.82	Tinggi
Saya tidak ambil tahu tentang LGBT	60	1.66	1.05	Rendah
Average		2.75	0.24	Sederhana

Berdasarkan dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa pengetahuan asas para pelajar masih sederhana seperti dalam Jadual 2: *Pengetahuan tentang Konsep LGBT*. Selain itu Jadual 3: *Pengetahuan dan Kesedaran Tentang LGBT* menunjukkan interpretasi yang positif namun dapatan keseluruhan sederhana untuk Jadual 4: *Kesedaran untuk Mengekang LGBT*. Keseluruhannya dapatan data menunjukkan bukti bahawa usaha yang besar harus digembleng dalam kalangan para pensyarah dan pelajar untuk memastikan pengetahuan asas tentang LGBT dapat dikukuhkan. Ini kerana LGBT merupakan cabaran sosial yang kritikal dan mendapat sokongan positif di peringkat antarabangsa.

KESIMPULAN

Konklusinya, tahap pengetahuan pelajar muslim semester 1 yang mengambil kursus CTU101 di UiTM terhadap isu LGBT masih di tahap sederhana. Para pelajar mengetahui dan sedar bahawa perlakuan LGBT adalah bertentangan dan tidak selari dengan hak asasi manusia menurut Islam, namun pengetahuan pelajar terhad hanya sekadar pengetahuan asas sahaja. Dapat dilihat dalam hasil Jadual 2 mengenai *Pengetahuan tentang Konsep LGBT* berada pada tahap sederhana di mana pada soalan “*Gay bermaksud hubungan songsang antara lelaki dan*

perempuan” dan “Biseksual adalah mengubah fizikal menjadi jantina bertentangan dengan asal” ditahap rendah. Malahan pada Jadual 4 *Kesedaran untuk Mengekang LGBT* juga menunjukkan tahap pengetahuan yang sederhana dan ini merupakan petanda kurang baik untuk masa depan sosial belia negara kita yang bakal menjadi pemimpin dalam membentuk tata kelola pemerintahan yang baik sehingga dapat merealisasikan negara yang “*Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur*”.

Oleh itu, Pihak UiTM perlu mengkaji dan menambah baik silibus subjek CTU101 dengan memberi penekanan terhadap isu LGBT yang berkaitan dengan topik akhlak bagi pelajar UiTM agar mereka memperoleh ilmu yang mencukupi bagi membentuk peribadi yang mulia di samping mampu membantu dalam pembinaan sahsiah masyarakat. Selain itu, kaedah pengajaran secara kolaboratif juga perlu dipertingkatkan pelaksanaannya agar dimensi ilmu baru dan pelbagai dapat diterokai oleh para pelajar UiTM. Para Penyelidik UiTM juga perlu terus bergiat aktif dalam melakukan penyelidikan mengenai isu LGBT agar berlaku peningkatan tahap pengetahuan para pelajar khususnya dan masyarakat amnya.

Dalam pada itu, langkah penambahbaikan daripada pihak kerajaan juga perlu dilaksanakan bagi membantu mengekang penularan isu ini kepada tahap yang lebih bahaya misalnya peranan Kementerian Multimedia dan Komunikasi untuk menyekat video-video di Youtube yang mempunyai unsur LBGT supaya tidak boleh di akses dengan mudah. Badan perundangan juga melalui kuasa yang ada boleh mengenakan tindakan undang-undang yang lebih tegas kepada individu-individu yang terjebak dengan LBGT juga kepada pihak-pihak yang terbukti menyokong jelas agenda ini dan akhir sekali, jika melihat kepada situasi semasa, kempen-kempen kesedaran juga perlu lebih kerap dilaksanakan agar masyarakat khususnya para pelajar dapat mendalami isu ini bukan sahaja pada tahap asas tetapi dapat mengetahui dengan jelas dan lebih mendalam seterusnya dapat mengawal diri mereka daripada menjadi salah satu punca kepada penambahan statistik LGBT di Malaysia. Dana-dana kerajaan boleh disalurkan kepada NGO - NGO Islam yang terlibat dalam membanteras kegiatan LGBT agar usaha membanteras kegiatan ini dapat dilakukan secara maksima.

RUJUKAN

- Ahmad Farid (2022). <https://hellodoktor.com/seks-hubungan/sifilis/lelaki-homoseksual-biseksual-sifilis/>. Dicapai pada 13/2/2023
- Akhir, N. M., Abdullah, F., & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). Faktor Pengaruhi Mahasiswa Terlibat Dalam LGBT Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Di Lembah Klang. *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*, 6(2).
- Azman Ab. Rahman, Zakaria, M. A., Yeap, M. J. M. F., & Nur Fatimah Amlin Ab. Ghani. (2020). Lesbian, Gay, Biseksual And Transgender According To The Perspective Of Syariah And Civil Law In Malaysia: A Comparison Within Two Law. *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*, 8(1).

- Batri, N. M., Yusof, F. M., Muhamad, S. N., Ahmad Muhyuddin Hassan, M. N. R., & Haron, Z. (2016). Homoseksual: Antara Hukum dan Kemajuan Sains Nek. *Sains Humanika*, 8(4), 45–54.
- Gessain, A., Nakoune, E., & Yazdanpanah, Y. (2022). Review Article. *The New England Journal of Medicine*, 19(387), 1783–1793. <https://doi.org/10.1056/NEJMra2208860>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (29 Oktober 2018) *Bilangan Gay, Transgender Semakin Meningkat*, Berita Harian Online <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim>
- 20 Pondan ditahan di Pesta Halloween (30 Oktober 2022) <https://www.sinarharian.com.my/article/228330/berita/semasa/20-pondan-ditahan-di-pesta-halloween>.
- Bekas ustaz didakwa liwat, amang seksual enam pelajar (24 Februari 2022) <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/02/bekas-ustaz-didakwa-liwat-amang-seksual-enam-pelajar/>
- Izham, Mohd & Juraimi, Faridah & Mansor, Azlin. (2016). Malaysian Principals' Technology Leadership Practices and Curriculum Management. *Creative Education*. 07. 922-930. 10.4236/ce.2016.77096. <http://dx.doi.org/10.4236/ce.2016.77096> Retrieved on 14th of December, 2023.
- Mahfuzah Mohamad. (2015). “Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah,” *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*
- Maisarah Mahmud. (2022). Fenomena LGBT di Malaysia : Analisis Faktor dan Kaedah Pemulihan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Universiti Sultan Zainal Abidin
- Majlis Aids Malaysia (MAC), <https://mac.org.my/v4/hiv-data/>. Dicapai pada 13/2/2023
- Mohamad Afandi Md Ismail, Nasri, M. S., Yahaya, M. H., Jamal, I. H., Najib, M., Wakil, A., Melaka, I. (2020). Isu LGBT Di Malaysia : Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian LGBT. In *Insla E-Proceedings* (Vol. 3, pp. 459–470).
- Mohamad Afandi Md Ismail. (2019). Gejala LGBT di Malaysia : Isu dan Cadangan Penyelesaian. *Jurnal of Law and Governance*. Volume 2 (No. 1)
- Mohd Farok Mat Nor et.al, (2017). “Skop dan Peranan Badan Penguatkuasa Jenayah Syariah Negeri Sarawak: Kupasan dan Cadangan Penambahbaikan”, *4th International Research Management & Innovation Conference*
- Nurul Jannah Mohd Juaini (2017). Social Media and Lesbians in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. Vol. 7, No. 11
- Paul, J. P. (1986). Growing Up With A Gay, Lesbian Or Bisexual Parent: An Exploratory Study Of Experiences And Perceptions.
- Siti Zubaidah Ismail. (2018). “Penguatkuasaan vs Dosa Peribadi,” *Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Pegawai Penguatkuasa Agama dan*

- Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia* bertempat di Hotel Copthorne, Pulau Pinang pada 17-18 Okt 2018
- Suhaya Deraman et.al., (2017). "Identifikasi Identiti Biseksual dan Hubungannya dengan Aspek Sokongan Sosial dan Kesihatan Mental dalam Kalangan Individu Biseksual di Melaka,". *Jurnal Al-Hikmah* Vol. 9 (2)
- Utusan Online, *Bahaya Iktiraf Hak LGBT* oleh Wan Roslili Abd. Majid (Felo Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 22 Januari 2018. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/bahaya-iktiraf-hak-lgbt-1.594629> Akses pada 10 Mac 2019.
- Utusan Malaysia, Isu hak asasi manusia perlu ikut perspektif Islam, acuan Malaysia (20 September 2021) <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/09/isu-hak-asasi-manusia-perlu-ikut-perspektif-islam-acuan-malaysia/>
- LGBT Paling Ramai Hidup HIV pada 2 Ogos 2018. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/lgbt-paling-ramai-hidup-hiv-1.720990>
- Trayce Hansen. (2010). Love Isn't Enough: 5 Reasons Why Same-Sex Marriage Will Harm Children. <https://doi.org/http://nebula.wsimg.com/b12fcd89d43e7a7f967e899d53777583?AccessKeyId=6A7BA959F60CB8269B2B&disposition=0&alloworigin=1>
- Yusoff, H., & Osman, K. (2022). Pendekatan Dakwah terhadap Golongan LGBT. In *Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022, Interaksi Dakwah di Malaysia Merentas Zaman*. Fakulti Pengajian Islam, UKM Pendekatan.
- World Health Organization (WHO), <https://www.who.int/news-room/speeches/item/who-director-general-s-statement-on-the-press-conference-following-IHR-emergency-committee-regarding-the-multi-country-outbreak-of-monkeypox--23-july-2022> . Dicapai pada 13/2/2023.